



# Tinjauan Operasi

*Cadangan Korporat*

*Pengurusan Pelaburan*

*Perantara dan Institusi Pasaran*

*Pelaporan Kewangan dan Pengawasan Korporat*

*Penguatkuasaan*

*Pendidikan dan Latihan*

## PENDIDIKAN DAN LATIHAN

SIDC ialah cabang latihan dan pendidikan Suruhanjaya. Peranan utamanya adalah meningkatkan mutu pemegang kepentingan dalam pasaran modal, termasuk pelabur, melalui program pendidikan. SIDC juga menyediakan sokongan latihan kepada pengawal selia pasaran di rantau ini.

### PEPERIKSAAN PELESENAN

Pada tahun 2003, SIDC menganjurkan 154 peperiksaan bagi 12 modul pelesenan. Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan pecahan peperiksaan pelesenan yang dianjurkan pada tahun 2003. Peperiksaan pelesenan diadakan di kebanyakan bandar utama, iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Pulau Pinang untuk memastikan pusat peperiksaan senang didatangi oleh calon dari seluruh negara.

Untuk meningkatkan bilangan profesional dalam industri ini, SIDC meneruskan usahanya untuk menggalakkan lebih ramai lagi siswazah menceburi pasaran modal sebagai satu pilihan kerjaya mereka. Satu daripada kaedah yang digunakan untuk melaksanakan usaha ini adalah dengan memeterai MoU dengan universiti. MoU ini membolehkan universiti menawarkan modul peperiksaan pelesenan sebagai mata pelajaran pilihan. Dalam tahun 2003, MoU dengan Universiti Malaya diperluas untuk memasukkan Modul 9 dan Modul 10 (modul wakil pengurus dana) dan Modul 6 serta Modul 7 (modul wakil peniaga) – di samping modul industri niaga hadapan.

### PROGRAM CPE

Suruhanjaya melancarkan Fasa 2 CPE pada 2003. Fasa 1 CPE diperkenalkan pada tahun 2001, seiring dengan matlamat Suruhanjaya untuk menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dan peningkatan kemahiran di kalangan wakil berlesen dalam pasaran modal Malaysia. CPE

terpakai hanya kepada wakil peniaga dalam Fasa 1 dan Fasa 2, diperluas untuk merangkumi semua kategori lain wakil peniaga.

Untuk memenuhi keperluan latihan yang meningkat bagi setiap kategori wakil berlesen, SIDC meningkatkan bilangan kursus yang diluluskan oleh CPE daripada 413 pada tahun 2002 kepada 650 pada tahun 2003. Untuk merangkumi semua kaedah pembelajaran dan pendekatan yang mungkin, kursus yang diluluskan oleh CPE turut ditawarkan dalam CD-ROM dan dalam talian, di samping kursus pimpinan tenaga pengajar yang lebih tradisional. Lebih banyak kursus CPE dapat dicapai apabila sistem pendidikan dalam talian dilancarkan pada tahun 2004. Pentauliah CPE turut dilanjutkan kepada pemegang lesen yang mendapat kelayakan profesional yang diiktiraf, dan mereka yang menjadi mentor di bawah Program Mentor Dana Latihan Bumiputera (BTF).

Dengan bekerja bersama-sama penganjur kursus CPE, SIDC dapat memastikan kursus CPE dikekalkan pada kadar bayaran yang boleh mampu (hampir 35% daripada kursus SIDC dikenakan bayaran antara RM101 dengan RM200, sementara hampir 10% daripada kursus ditawarkan percuma oleh syarikat pembrokeran saham). Jadual 3 memberikan satu senarai kursus CPE menurut lokasi dan Jadual 4 menunjukkan struktur kadar bayaran kursus CPE yang diadakan pada tahun 2003.

Untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pentadbiran CPE, terutamanya untuk pemprosesan, pengesanan dan pemantauan kursus CPE, Sistem Penjejak CPE telah diuji dengan jayanya pada tahun 2003 dan dijangka akan dilancarkan pada tahun 2004. Sistem berasaskan web ini – dengan antara muka terus kepada Permohonan Pelesenan Elektronik Jabatan Pelesenan (ELA) – akan membolehkan pemprosesan terus bagi pembaharuan lesen. Sistem ini akan memastikan kawalan yang lebih ketat

dan pengawalseliaan penyedia latihan oleh Urus Setia CPE, dan menyediakan kemudahan untuk penyedia latihan membuat permohonan dalam talian dan untuk wakil berlesen menyemak mata CPE mereka yang terkumpul berdasarkan masa sebenar.

## LATIHAN UNTUK INDUSTRI

Dengan sasaran untuk menghubungkan jurang ilmu-kemahiran di kalangan pelbagai peserta pasaran, SIDC terus-menerus berada di baris hadapan sebagai penyedia pendidikan pasaran modal bertaraf profesional dan umum. Seminar Hari Sabtu SIDC (SSS) dan Bengkel Pasaran Modal (CMW), untuk profesional pasaran modal dan pelabur yang serius, telah menjadi program latihan ukuran rujuk bagi pasaran.

Pada tahun 2003, SIDC menganjurkan 17 Seminar Hari Sabtu SIDC (semuanya lulus CPE) di beberapa bandar utama di seluruh negara. Seminar ini dihadiri oleh seramai 767 peserta. Sembilan CMW diadakan sepanjang tahun dalam kajian, yang empat daripadanya adalah program persediaan untuk calon yang menduduki peperiksaan pelesenan SIDC dan tiga kursus, seperti siri pengarah, ialah program yang ditauliahkan oleh CPE. Keseluruhannya, sebanyak 448 peserta menghadiri CMW pada tahun 2003.

SIDC juga menganjurkan 11 lagi seminar dan program latihan untuk orang ramai, terutamanya untuk mengemas kini pengetahuan peserta berhubung dengan isu semasa dalam pasaran modal. Program ini berjaya menarik 994 peserta pada tahun 2003.

SIDC bekerjasama dengan industri ini untuk memastikan programnya sentiasa mengikut peredaran masa dan relevan. Pada tahun 2003, SIDC bekerjasama dengan lima penganjur latihan iaitu MICG, Agensi Penarafan Malaysia (RAM), Persatuan Modal Teroka Malaysia (MVCA), dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIA Malaysia).

Kerjasama ini memberikan banyak faedah kepada peserta kerana mereka diberikan peluang untuk menimba ilmu terus daripada pakar bidang, dan rangkaian dengan organisasi yang berminat menggalakkan pendidikan peserta pasaran

kewangan. Peserta dapat meraih manfaat maksimum daripada kursus bermutu tinggi ini yang ditawarkan pada kadar bayaran rendah.

Jadual 5 menunjukkan senarai program latihan industri SIDC yang dianjurkan pada tahun 2003.

## LATIHAN UNTUK BUMIPUTERA

Sejajar dengan agenda negara untuk pembangunan sumber manusia, pendidikan dan pembangunan kerjaya wakil peniaga berlesen Bumiputera kekal menjadi fokus Suruhanjaya. Dinamik pasaran memerlukan pelaksanaan pendekatan baru dalam program latihan Bumiputera, oleh itu dua program baru – Dana Pendidikan Wakil Peniaga Bumiputera (BDREF) dan Program Mentor BTF – dimulakan pada tahun 2003.

### Dana Pendidikan Wakil Peniaga Bumiputera (BDREF)

BDREF yang bernilai RM5 juta ini ditubuhkan pada tahun 2003 untuk meningkatkan bilangan wakil peniaga Bumiputera dengan kelayakan profesional dan untuk memberikan peluang kepada mereka untuk memajukan kerjaya dalam pasaran modal. Dana ini merupakan satu daripada 10 langkah yang diisytiharkan oleh Kerajaan pada 11 Mac 2003 untuk merangsang pasaran modal Malaysia dan sejajar dengan saranan Suruhanjaya mengenai latihan dan pendidikan dalam CMP.

Sebuah lembaga pemegang amanah, disokong oleh jawatankuasa pendidikan dan kewangan yang terdiri daripada Suruhanjaya, BSKL, ASCM dan Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia (PRBUMI), mengawasi penggunaan Dana ini.

Sebanyak 101 permohonan diluluskan pada tahun 2003, 51 daripadanya adalah untuk kursus Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA) dan 50 daripadanya untuk kursus Perancang Kewangan Bertauliah (CFP). Jumlah yang digunakan daripada dana ini untuk membiayai kursus ini ialah RM361,845.

## Dana Latihan Bumiputera

Seperti dalam tahun sebelumnya, kursus BTF pada tahun 2003 dibahagikan kepada empat bidang yang utama, iaitu pengurusan pelaburan, pengurusan risiko dan pematuhan, peningkatan diri dan isu semasa.<sup>1</sup> Sebanyak 1,756 calon Bumiputera menghadiri 82 kursus dan seminar yang dianjurkan sepanjang tahun di bawah program BTF (lihat Jadual 6 untuk penyenaraian kategori kursus BTF yang dijalankan pada tahun 2003).

## Program Mentor BTF

SIDC melancarkan Program Mentor BTF dalam bulan September 2003 untuk menggalakkan budaya berkongsi ilmu dalam industri ini. Melalui kerjasama rapat dengan ASCM, SIDC dapat menyediakan saluran yang berkesan untuk memindahkan kemahiran dan ilmu daripada peserta industri kanan kepada rakan peserta industri yang kurang berpengalaman. Pada 31 Disember 2003, sembilan mentor (peserta kanan dalam industri) dan 19 pendatang baru dalam industri ini diluluskan untuk menyertai Program Mentor BTF yang pertama.

## PENDIDIKAN PELABUR

### Jabatan Pendidikan Pelabur Baru

Pelabur berilmu sangat penting untuk perkembangan pasaran modal Malaysia. Oleh itu, untuk menggiatkan proses pembinaan ilmu di kalangan pelabur, tahun 2003 menyaksikan penubuhan Jabatan Pendidikan Pelabur (IED) dalam SIDC. Tanggungjawab teras jabatan ini adalah untuk memperluas ilmu pelaburan para pelabur. Pendekatan yang diambil ialah membawa ilmu kepada pelabur dan beberapa modus digunakan untuk mencapai objektif ini, dan ini termasuk perbincangan pendidikan pelabur, tapak web *Pelabur Malaysia*, pameran dan rencana

akhbar. Bagi tahun dalam kajian, aktiviti yang dijalankan disasarkan kepada meningkatkan kesedaran pelabur berhubung dengan hak dan tanggungjawab mereka dalam pasaran modal.

### Membawa Pendidikan Kepada Pelabur

Aktiviti pendidikan pelabur bagi tahun 2003 diperhebat dengan pelancaran kempen *Pelaburan Saya, Hak Saya!* pada 10 Mei 2003 di Seremban, Negeri Sembilan yang maskot 'Orang Ringgit' turut diperkenalkan.

Dengan matlamat untuk membawa ilmu kepada pelabur, satu siri Ceramah Pendidikan Pelabur (IET) diatur. Program ini menyediakan ruang untuk pelabur berinteraksi dengan kakitangan Suruhanjaya dan mengajukan soalan tentang isu pasaran modal. Sebanyak 52 sesi IET diadakan dalam tahun 2003. IET dilaksanakan di Alor Setar, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Seremban, Port Dickson, Kuching, Sibu dan Kota Kinabalu. Sebanyak 3,137 peserta, yang terdiri daripada mahasiswa universiti, kakitangan sektor swasta, kakitangan awam dan orang awam, menghadiri IET. IET dilaksanakan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bergantung pada khalayak sasaran.

Di samping IET, satu siri pameran dianjurkan bagi pelabur untuk menanamkan kefahaman yang lebih mendalam tentang hak dan tanggungjawab pelabur dalam pasaran modal untuk menjadi pelabur yang bermaklumat. Sebanyak 10 pameran diadakan di bandar utama di seluruh negara, iaitu di Alor Setar, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Seremban dan Ipoh.

Bagi memastikan bahan dan mesej pendidikan mencakup populasi pelabur yang lebih luas, 36 rencana diterbitkan dalam pelbagai akhbar dan majalah. IED turut disiarkan di stesen radio tempatan yang membincangkan isu bersama yang dihadapi oleh pemegang saham PLC.

<sup>1</sup> Pembahagian ini kekal sah apabila SIDC melaksanakan tinjauan tahunan yang menyeluruh di kalangan peserta dan perundingan dengan pengurus sumber manusia berhubung dengan keperluan latihan bagi kakitangan Bumiputera dalam industri broker saham.

SIDC juga mendapatkan bantuan perantara pasaran modal yang mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan pelabur, untuk meningkatkan matlamat pendidikan pelaburannya. Pada tahun 2003 SIDC mengadakan kerjasama dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang PNB akan mengedarkan brosur pendidikan SIDC di 18 cawangannya di seluruh negara dan SIDC dibenarkan menganjurkan IET dalam seminar pendidikan PNB. Persetujuan perkongsian ini akan diperluas untuk mencakupi perantara lain pada tahun 2004.

### Tapak Web Pelabur Malaysia yang Dipertingkatkan

Dalam meneruskan usaha untuk mendidik para pelabur melalui Internet, tiga bahagian baru dimasukkan dalam tapak web *Pelabur Malaysia* ([www.min.com.my](http://www.min.com.my)) – satu tapak web yang dikhususkan untuk pelabur Malaysia yang dikelolakan oleh SIDC. Kandungan tapak ini dipertingkatkan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan para pelabur tentang hak dan tanggungjawab mereka dan juga tentang kepentingan perancangan kewangan. Bahagian baru – “Pelaburan Saya, Hak Saya!,” Siri Perancangan Kewangan dan Siri Salah laku Korporat – disasarkan untuk melengkapi pelabur dengan pengetahuan asas tetapi penting tentang pasaran modal.

Sorotan dalam tapak web Pelabur Malaysia termasuklah–

- kadar layaran tapak web ini meningkat dengan banyaknya pada tahun 2003 iaitu daripada 156,000 pada awal tahun kepada 554,000. Purata kadar layaran bulanan ialah 389,327;
- 23 rencana daripada tapak web ini disiarkan semula dan diterbitkan oleh akhbar tempatan;
- tapak web interaktif ini juga menerima sejumlah 104 pertanyaan daripada pelabur; dan
- tapak web ini diiktiraf sebagai salah satu daripada 88 tapak web popular Malaysia bawah kategori kewangan oleh [theedgedaily.com](http://theedgedaily.com), sebuah tapak web utama berita perniagaan.

## LATIHAN UNTUK PENGAWAL SELIA

SIDC menganjurkan beberapa program latihan bertaraf antarabangsa, sejajar dengan penyertaan aktif Suruhanjaya dalam IOSCO dan menyokong inisiatif oleh organisasi antarabangsa seperti OECD, APEC, Bank pembangunan Asia (ADB) dan ASEAN.

### Program Pasaran Baru Muncul

Program Pasaran Baru Muncul (EMP) Ke-4 diadakan pada 12–17 Oktober 2003. Program tahunan ini menyediakan platform untuk pengawal selia pasaran modal daripada ekonomi baru muncul untuk mengulang kaji prasyarat dan asas-asas pasaran modal yang kukuh, dan untuk berbincang dan berkongsi pendapat tentang isu semasa yang ditangani oleh pengawal selia seperti tadbir urus korporat, penzahiran kewangan dan pendidikan pelabur.

Tema bagi EMP Ke-4 ini ialah “Mengukuhkan Struktur Pengawalseliaan”. Ia meninjau bidang dalam pasaran modal yang boleh ditingkatkan untuk menarik dan melindungi pelabur.

Program ini dihadiri oleh 86 peserta dari 18 negara, iaitu Malaysia, Thailand, Kemboja, Sri Lanka, Pakistan, Taiwan, Korea, Kazakhstan, Turki, Libya, Oman, Jordan, Emiriah Arab Bersatu, Bosnia dan Herzegovina, Poland, Nigeria dan Kenya. Penceramah bagi program ini adalah dari badan pengawalseliaan dan organisasi antarabangsa dari Amerika Syarikat, Australia, China, Singapura, India dan Malaysia.

### Inisiatif Latihan Pengawal Selia Kewangan APEC – Seminar Serantau Mengenai Pendidikan Pelabur

SIDC memainkan peranan penting dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti dibawah kelolaan Inisiatif Latihan Pengawal Selia Kewangan APEC (FRTI). Fasa 1 inisiatif latihan ini (1998–2000) memfokus kepada membina pengurusan, proses, garis panduan dan prasarana latihan yang berlanjutan. Fasa II bertujuan membina asas bagi Fasa 1 dengan membina keupayaan pengawal selia melalui

pembangunan bahan latihan swabelajar serta penyelenggaraan program serantau dan negara yang memfokus kepada struktur dan operasi pasaran sekuriti, produk kewangan dan terbitan, dan penguatkuasaan pengawalseliaan dalam ekonomi membangun.

Sejajar dengan ini, Seminar Serantau Mengenai Pendidikan Pelabur telah diadakan pada 11–12 Ogos. Seminar ini berjaya menarik 22 peserta dari 10 negara Asia–Pasifik dan menekankan kepentingan pendidikan pelabur dan peranan pengawal selia dalam bidang ini.

### **Projek ASEAN Mengenai “Inisiatif Kerjasama Mengenai Penyelidikan Pasaran Modal dan Latihan di Negara Anggota ASEAN”**

Bagi pihak Suruhanjaya, SIDC menjadi penyelaras Projek ASEAN bagi “Inisiatif Kerjasama Mengenai Penyelidikan Pasaran Modal dan Latihan di Negara Anggota Asean” dan bekerjasama rapat dengan ADB dan Urus Setia ASEAN. Projek ini yang bertujuan mewujudkan rangkaian usaha sama dan kerjasama antara pusat latihan dan penyelidikan pasaran modal di negara ASEAN, merupakan satu daripada inisiatif di bawah Program Kerja Kewangan ASEAN yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan ASEAN dalam bulan November 1999. Semua 10 negara ASEAN turut serta dalam projek ini dan pada masa ini, dapatan tinjauan sedang dianalisis. Laporan analisis ini, termasuk saranan dan pelan tindakan bagi usaha sama antara negara anggota ASEAN

dalam penyelidikan dan latihan, dijangka akan diputuskan dan siap dalam tahun 2004.

### **LATIHAN KAKITANGAN**

Untuk melengkapkan kakitangan Suruhanjaya dengan kemahiran dan pengetahuan yang cukup untuk menghadapi cabaran dari pasaran, SIDC – dengan sokongan daripada Jabatan Sumber Manusia – telah mengelolakan 15 program teras untuk kakitangan dan peserta luaran (lihat Jadual 7). Program ini dihadiri oleh 324 peserta.

### **PERKHIDMATAN MAKLUMAT**

Dengan khazanah sumber pasaran modal yang luas dan bahan yang sentiasa dikemas kini, perpustakaan SIDC menjadi satu daripada perpustakaan pakar terkemuka untuk industri ini. Perpustakaan ini mempunyai koleksi tuntas yang mencapai 36,000 judul naskhah buku, jurnal dan majalah, laporan tahunan syarikat, prosiding, judul surat khabar, pangkalan data CD-ROM, dan pangkalan data dalam talian dan elektronik serta maklumat perniagaan dan kewangan. Koleksinya yang lengkap dan maklumat dalam talian dan elektronik ini menarik lebih daripada 300 pengguna luar yang terdiri daripada, terutamanya, penyelidik dan penuntut. Dalam tahun 2003, perpustakaan ini melengkapkan lebih daripada 3,155 transaksi pinjam-dan-pulang.

## STATISTIK UTAMA

Jadual 1

### Peperiksaan Pelesenan untuk Calon Awam yang Dianjurkan pada Tahun 2003

| Peperiksaan   | Bilangan Peperiksaan | Bilangan Calon* |
|---|----------------------|-----------------|
| <i>Module 1: Regulations</i>                                      | 14                   | 131             |
| <i>Module 2: Futures</i>  | 1                    | 1               |
| <i>Module 3: Option</i>   | 2                    | 2               |
| <i>Module 6: Stock Market and Securities Law</i>                  | 17                   | 424             |
| <i>Module 7: Financial Statement Analysis and Asset Valuation</i> | 17                   | 396             |
| <i>Module 9: Funds Management Regulation</i>                      | 9                    | 147             |
| <i>Module 10: Asset and Fund Management</i>                       | 9                    | 165             |
| <i>Module 11: Fundamentals of Compliance</i>                      | 12                   | 99              |
| <i>Module 12: Investment Management and Corporate Finance</i>     | 8                    | 75              |
| <i>Module 13: MDEX Business Rules</i>                             | 14                   | 224             |
| <i>Module 14: Futures and Option</i>                              | 14                   | 150             |
| <i>Module 15: Investment Advisory (Rules and Regulations)</i>     | 8                    | 85              |
| <b>Jumlah</b>   | <b>125</b>           | <b>1,899</b>    |

\*Jumlah ini termasuk calon yang menduduki pelbagai peperiksaan dan calon yang menduduki semula peperiksaan.

Jadual 2

### Peperiksaan Pelesenan untuk Mahasiswa Universiti yang Diadakan pada Tahun 2003

| Peperiksaan                                  | Bilangan Peperiksaan | Bilangan Calon* |
|--|----------------------|-----------------|
| <i>Module 1: Regulations</i>                 | 4                    | 24              |
| <i>Module 9: Funds Management Regulation</i> | 1                    | 10              |
| <i>Module 10: Asset and Funds Management</i> | 1                    | 10              |
| <i>Module 13: MDEX Business Rules</i>        | 2                    | 24              |
| <i>Module 14: Futures and Option</i>         | 2                    | 24              |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>10</b>            | <b>92</b>       |

\*Jumlah ini termasuk calon yang menduduki pelbagai peperiksaan dan calon yang menduduki semula peperiksaan.

Jadual 3

**Kursus CPE yang Diadakan Menurut Lokasi Setakat 31 Disember 2003**

| Negeri          | 2003       | 2002       |
|-----------------|------------|------------|
| Negeri Sembilan | 3          | 2          |
| Kedah           | 2          | 0          |
| Pahang          | 5          | 3          |
| Kelantan        | 2          | 1          |
| Sabah           | 6          | 4          |
| Sarawak         | 10         | 7          |
| Melaka          | 4          | 4          |
| Johor           | 18         | 10         |
| Perak           | 21         | 13         |
| Pulau Pinang    | 25         | 12         |
| Selangor        | 21         | 16         |
| Kuala Lumpur    | 188        | 108        |
| <b>Jumlah*</b>  | <b>305</b> | <b>180</b> |

\*Termasuk kursus yang diluluskan terdahulu.

Jadual 4

**Penetapan Yuran Kursus Setakat 31 Disember 2003**

| Yuran                         | Jumlah     | Peratus (%)   |
|-------------------------------|------------|---------------|
| Bawah RM100                   | 66         | 10.15         |
| RM101 – RM200                 | 220        | 33.85         |
| RM201 – RM500                 | 101        | 15.54         |
| RM501 – RM1,000               | 80         | 12.31         |
| RM1,001 – RM1,500             | 47         | 7.23          |
| Melebihi RM1,501              | 64         | 9.85          |
| Dibiayai oleh BTF             | 16         | 2.46          |
| Dikendalikan percuma oleh SBC | 56         | 8.61          |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>650</b> | <b>100.00</b> |

Jadual 5

## Program Latihan Industri SIDC yang Diadakan pada Tahun 2003

| Program/Aktiviti   | Keterangan   |
|--|--|
| Seminar Hari Sabtu SIDC (SSS)<br><br><i>Bilangan program: 17</i><br><i>Bilangan peserta: 767</i> | SSS menyentuh tajuk yang berikut dalam tahun 2003: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tadbir Urus Korporat: Memastikan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan kepada Pemegang Saham</li> <li>• Penilaian Pelaburan dan Keputusan Kewangan</li> <li>• Tindakan Korporat dan Kelayakan</li> <li>• Strategi Pengurusan Pelaburan dan Risiko untuk Pelabur</li> <li>• Berdagang dalam Saham Derivatif Malaysia</li> <li>• Tatasusila dan Etika Profesional</li> <li>• Hak dan Tanggungjawab Pemegang Saham</li> <li>• Unit Amanah: Apakah Soalan yang Patut Ditanya oleh Pelabur</li> <li>• Memanfaatkan Sepenuhnya Laporan Tahunan Syarikat</li> <li>• Unit Amanah dan Profesional – Pematuhan dan Etika</li> <li>• Strategi Korporat dan Kesannya ke atas Harga Saham</li> <li>• Pengurusan Dana – Peruntukan Aset Praktikal dan Pembinaan Portfolio</li> <li>• Merangka Pelan Pelaburan yang Menguntungkan</li> <li>• Perancangan Kewangan dan Profesional</li> <li>• Memanfaatkan Sepenuhnya Laporan Penganalisis</li> </ul> |
| Siri Bengkel Pasaran Modal:<br><br><i>Bilangan program: 9</i><br><i>Bilangan peserta: 448</i>    | Siri CMW tahun 2003: <ul style="list-style-type: none"> <li>• CMW: Pasaran Ekuiti Malaysia</li> <li>• CMW: Pasaran Derivatif Malaysia</li> <li>• CMW: Pengurusan Risiko dan Pematuhan</li> <li>• CMW: Asas Pengurusan Dana</li> <li>• CMW: Pasaran Modal Islam</li> <li>• CMW: Modal Usaha Sama – Sumber Alternatif Pembiayaan</li> <li>• CMW (Siri Pengarah): Pengauditan Dalaman, Pematuhan dan Pengurusan Risiko</li> <li>• CMW (Siri Pengarah): Amalan Terbaik dalam Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Pemegang Saham</li> </ul>  |
| Seminar Lain<br><br><i>Bilangan program: 11</i><br><i>Bilangan peserta: 994</i>                  | Tajuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga dan Pengarah Bebas: Meningkatkan Prestasi dan Nilai Pemegang Saham (anjaran bersama dengan MICG)</li> <li>• Pasaran Bon Malaysia – Cabaran dan Peluang (anjaran bersama dengan RAM)</li> <li>• Muzakarah Pakar: Mengurus Kejayaan – Pengurusan Aset dan Tanggungan daripada Perspektif Islam</li> <li>• Seminar Wanita dan Perancangan Kewangan (Ipoh, Alor Setar, Kuching)</li> <li>• Seminar Mengenai Wanita dan Perancangan Kewangan (KL)</li> <li>• Pensekuritian Aset: Memperluas Peluang Pelaburan di Malaysia</li> <li>• Pasaran Modal: Ke arah Usahawan Dinamik</li> <li>• Pengurusan Dana: Amalan Terbaik untuk Melindungi Pelabur</li> </ul>   |

Jadual 6

## Kursus BTF Menurut Kategori

| Kategori                        | Bilangan Kursus | Peratus (%) | Bilangan Peserta | Peratus (%) |
|---------------------------------|-----------------|-------------|------------------|-------------|
| Pengurusan pelaburan            | 34              | 41          | 683              | 39          |
| Peningkatan diri                | 30              | 37          | 694              | 40          |
| Pengurusan risiko dan pematuhan | 10              | 12          | 241              | 14          |
| Isu semasa                      | 8               | 10          | 138              | 7           |
| Jumlah                          | 82              | 100         | 1,756            | 100         |

Jadual 7

Program Latihan Untuk Anggota Kakitangan<sup>2</sup>

| Program/Aktiviti                              | Keterangan   |
|---|--|
| Bilangan program: 15<br>Bilangan peserta: 324 | Program: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasaran Modal Malaysia: Kesalahan, Penalti dan Hak Pelabur</li> <li>• Bengkel Pengurusan Risiko tentang Profil Risiko Utama bagi Syarikat Pengurusan Aset</li> <li>• Taklimat Mengenai Anti-penggubahan Wang</li> <li>• Analisis Makroekonomi</li> <li>• Penggubalan Undang-undang Lanjutan</li> <li>• Kemahiran Pengendalian Media (2 sesi)</li> <li>• Pembangunan Mesej (4 sesi)</li> <li>• Metodologi Penyelidikan Bahagian I</li> <li>• Metodologi Penyelidikan Bahagian II</li> <li>• Akta Syarikat 1963: Peruntukan dan Tafsiran</li> <li>• Perancangan Kewangan</li> <li>• Bengkel Mengenai MASB 25, Cukai Pendapatan</li> <li>• Analisis Kewangan</li> <li>• Penulisan Perniagaan: Cara yang Betul</li> <li>• Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Berkesan</li> </ul> |

<sup>2</sup> Seseengah daripada program ini turut dihadiri oleh peserta luar iaitu dari Polis Diraja Malaysia, BNM, BSKL, SSM dan wakil syarikat pengurusan dana berlesen.